

Headline	Pakar motivasi minta direhatkan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	18	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	141 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,207
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,622



## SUSULAN PENSYARAH MIANG

# Pakar motivasi minta direhatkan

**Kuala Lumpur:** Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis mengesahkan pensyarah yang juga pakar motivasi terkenal sudah meminta pihak pengurusan institut pengajian tinggi itu untuk 'me-rehatkannya' buat sementara waktu.

Tindakan itu dibuat oleh pensyarah berkenaan berikutan kontroversi yang tersebar meluas di media sosial mengaitkan dirinya dengan perbuatan salah laku dengan seorang pelajarinya.

Rektornya Prof Datuk Dr Ahmad Redzuan Abd Rahman berkata, sebaik dimaklumkan mengenai kejadian itu, pihaknya bertindak memanggil pensyarah berkenaan demi reputasi universiti itu.

"Sebagai ketua, saya bertindak memanggil pensyarah berkenaan untuk berbincang sebelum beliau meminta untuk bercuti bagi menenangkan diri sehingga kes selesai.

"Malah, pelajar yang membuat laporan polis berkenaan juga kini sedang bercuti semester di kampungnya," katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Menurutnya, tindakan pelajar berkenaan membuat laporan polis mendakwa dirinya dicabul kehormatan oleh pensyarah berusia 40-an itu ketika di bilik lelaki

**“ Pihak UiTM tidak pernah berdiam diri dan sentiasa menjaga imej baik institusi pengajian ini ”**  
Dr Ahmad Redzuan Abd Rahman

berkenaan adalah hak individu masing-masing.

"Itu hak pelajar berkenaan untuk membuat laporan polis, sebagai rakyat Malaysia tiada seorang pun dihalang untuk berbuat demikian.

"Malah, saya tegaskan di sini, pihak UiTM tidak pernah berdiam diri dan sentiasa menjaga imej baik institusi pengajian ini, kita juga sudah mengambil tindakan yang sepatutnya dan yang lain serah kepada polis untuk menjalankan siasatan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, tidak sepatutnya laporan polis dan maklumat peribadi pelajar berkenaan disebar meluas ke dalam laman sosial Facebook dan blog.

"Saya kesal dan sedih perkara ini tersebar begitu cepat berikutan membabitkan maruah kedua-dua mereka. Apa yang saya boleh katakan, perkara ini masih dalam siasatan pihak polis," katanya.